

**Kempen Travel Ready, Rewards Steady 2026****Terma dan Syarat**

Terma dan Syarat Kempen MAE Travel Ready, Rewards Steady 2026 ("**Kempen**") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran: 200701029411) (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Maybank**") dan hendaklah tertakluk kepada Terma dan Syarat dalam dokumen ini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2 di bawah) dengan ini bersetuju secara nyata untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen adalah muktamad dan terikat.

1.0 Tempoh Kempen

Kempen ini akan bermula pada 5 Ogos 2026 jam 06:00:00 pagi (MYT) dan berakhir pada 31 Oktober 2026 jam 11:59:59 malam (MYT), termasuk kedua-dua tarikh dan selepas ini akan dirujuk sebagai "Tempoh Kempen". Kempen akan dibahagikan kepada beberapa Fasa dalam Tempoh Kempen:

Fasa Kempen:

Fasa	Bulan / Tarikh
1	5 Ogos - 31 Ogos 2026
2	1 September - 30 September 2026
3	1 Oktober - 31 Oktober 2026

2.0 Kelayakan

- (a) Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Maybank yang juga warganegara Malaysia dan berumur antara 18 hingga 55 tahun yang mematuhi kriteria berikut:
- (1) Pelanggan yang Layak mesti mempunyai akaun Maybank2u atau Maybank Anytime Everywhere ("MAE") Wallet yang aktif semasa Tempoh Kempen dan Fasa Pemberian PIN Tambah Nilai MAE (seperti yang dinyatakan dalam Fasal 5.0 (f); dan
 - (2) Pelanggan yang Layak yang belum pernah memohon Akaun Global Access-i (GAA-i).



- (b) Kakitangan Maybank, anak syarikat dan sekutunya tidak layak mengambil bahagian melainkan dikecualikan oleh Maybank.
- (selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”)
- (c) Maybank merizabkan hak untuk membatalkan kelayakan mana-mana pelanggan yang tidak memenuhi kriteria di atas atau didapati menyalahgunakan Kempen dalam apa jua cara.

3.0 Mekanisme Kempen

- (a) Pelanggan yang Layak yang melakukan tindakan kelayakan berikut (“Tindakan Kelayakan”) melalui aplikasi MAE dalam Fasa yang sama semasa Tempoh Kempen mungkin layak mendapat PIN Tambah Nilai MAE sebanyak RM80, tertakluk kepada syarat berikut:

Bil. Kriteria	PIN Tambah Nilai MAE	Kelayakan PIN Tambah Nilai MAE
1	PIN Tambah Nilai MAE sebanyak RM50	Terpakai kepada 1,000 Pelanggan yang Layak pertama (“Pemenang”) dalam setiap Fasa yang berjaya membuka *Akaun Global Access-i (GAA-i) melalui MAE dalam Tempoh Kempen.
2	Bonus Tambahan: PIN Tambah Nilai MAE sebanyak RM30	Pemenang yang telah menerima PIN Tambah Nilai MAE sebanyak RM50 seperti yang dinyatakan dalam Item 1 di atas layak mendapat PIN Tambah Nilai MAE tambahan sebanyak RM30 selepas melengkapkan salah satu daripada syarat berikut dalam Fasa yang sama: - Berjaya mendaftar satu (1) Perlindungan Perjalanan, iaitu **TripCare 360 Takaful sahaja melalui aplikasi MAE (terpakai untuk perjalanan antarabangsa atau domestik); atau - Berjaya membeli satu (1) pakej eSIM untuk mana-mana negara



		yang tersedia pada aplikasi MAE (tanpa perbelanjaan minimum); atau 3. Membuat dua (2) urusan niaga kad menggunakan Kad GAA-i mereka di mana-mana negara yang disediakan dan diliputi di bawah GAA-i, dengan perbelanjaan minimum RM150 bagi setiap transaksi, atau nilai yang setara, dalam Fasa yang sama.
--	--	--

* Maybank Islamic adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Akaun Global Access-i dilindungi oleh PIDM setakat MYR250,000 bagi setiap pendeposit.

**Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa General Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

(b) Bagi mengelakkan keraguan, syarat yang berjaya bermaksud:

- (1) Bagi pembukaan akaun GAA-i: Permohonan untuk membuka akaun GAA-i diluluskan sepenuhnya dan akaun tersebut telah diaktifkan semasa Fasa yang berkenaan dalam Tempoh Kempen; atau
- (2) Bagi pendaftaran Perlindungan Perjalanan atau pembelian eSIM: Pendaftaran atau pembelian berjaya disempurnakan dan telah dibayar semasa Fasa yang berkenaan dalam Tempoh Kempen, tanpa pembatalan atau bayaran balik.

(c) PIN Tambah Nilai MAE tertakluk kepada ketersediaan dan diberikan atas dasar yang cepat didahulukan mengikut Fasa selaras dengan peruntukan bajet yang ditetapkan oleh Maybank (rujuk Fasal 4.0(a)).

(d) Maybank merizabkan hak untuk menentukan sama ada sesuatu transaksi atau urusan niaga layak untuk Kempen atau tidak.

4.0 Peruntukan PIN Tambah Nilai MAE

- (a) Jumlah peruntukan maksimum sebanyak RM80,000 bagi setiap Fasa disediakan untuk ganjaran PIN Tambah Nilai MAE semasa Tempoh Kempen, dengan jumlah



peruntukan PIN Tambah Nilai MAE sebanyak RM240,000 untuk keseluruhan Kempen.

- (b) Setelah peruntukan ganjaran PIN Tambah Nilai MAE digunakan sepenuhnya untuk Fasa tersebut atau dalam Tempoh Kempen, PIN Tambah Nilai MAE tidak lagi akan diberikan. Maybank akan mengemas kini laman web rasmi Kempen sebaik sahaja peruntukan ganjaran telah digunakan sepenuhnya.

5.0 Pengumuman Pemenang

- (a) Pemenang terpilih akan dimaklumkan melalui Notifikasi Tolak (Push Notification) dan/atau Mel Elektronik Langsung (Electronic Direct Mail, EDM) mengikut Fasa. Pemenang bagi setiap Fasa akan dimaklumkan dalam tempoh 90 (sembilan puluh) hari bekerja selepas berakhirnya Fasa Kempen masing-masing (rujuk jadual di bawah Klausula 6.0(f)).
- (b) Pengumuman nama Pemenang juga akan dipaparkan di laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my dalam tempoh 90 (sembilan puluh) hari bekerja selepas berakhirnya setiap Fasa Kempen.

6.0 Pemberian PIN Tambah Nilai MAE

- (a) Pemenang mestilah mempunyai akaun MAE Wallet yang aktif sepanjang Tempoh Kempen dan Fasa Pemberian Ganjaran bagi melayakkan diri untuk penerimaan PIN Tambah Nilai MAE.
- (b) Pemenang yang mempunyai MAE Wallet yang aktif akan menerima Notifikasi Tolak (Push Notification) bagi ganjaran PIN Tambah Nilai MAE dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bekerja selepas Kempen tamat, tertakluk kepada budi bicara Maybank.
- (c) Pemenang dikehendaki mengetik Notifikasi Tolak tersebut, yang akan mengarahkan mereka ke halaman pendaratan dalam aplikasi yang mengandungi maklumat ganjaran serta proses penebusan, dan seterusnya mengikuti arahan yang diberikan untuk menebus PIN Tambah Nilai MAE.
- (d) PIN Tambah Nilai MAE yang dikeluarkan adalah sah untuk ditebus dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh Notifikasi Tolak. Setelah penebusan berjaya dilakukan, amaun yang dikreditkan tidak mempunyai tempoh luput dan boleh digunakan pada bila-bila masa untuk transaksi MAE yang layak.
- (e) Penebusan adalah tertakluk kepada ketersediaan sistem serta keputusan muktamad Maybank.
- (f) Jadual penghantaran Notifikasi Tolak PIN Tambah Nilai MAE dan tempoh penebusan adalah seperti berikut:



Fasa	Pengumuman Pemenang	Notifikasi Tolak (Push Notification) Pengkreditan PIN Tambah Nilai MAE	Tempoh Penebusan
Pemenang Fasa 1	Pada atau sebelum 23 November 2026	Pada atau sebelum 22 Januari 2027	Penebusan adalah sah untuk tempoh dua (2) minggu dari masa Notifikasi Tolak PIN Tambah Nilai MAE diterima.
Pemenang Fasa 2	Pada atau sebelum 23 December 2026		
Pemenang Fasa 3	Pada atau sebelum 22 Januari 2027		

(g) Senario untuk Kelayakan dan Ganjaran:

Bil.	Senario	GAA-i	Perlindungan Perjalanan	eSIM	1,000 Pemenang Pertama (Setiap Fasa)	Kelayakan untuk Bonus RM30	Keputusan
1	Pelanggan yang Layak melengkapkan Tindakan Kelayakan dan memenuhi kriteria tambahan dalam kuota Fasa tertentu (cth: bulan Ogos 2026.)	Ya	Ya	Tidak	Ya	Ya	Layak mendapat PIN Tambah Nilai MAE sebanyak RM50 dan juga PIN Tambah Nilai MAE Bonus sebanyak RM30.



2	Pelanggan yang Layak melengkapkan Tindakan Kelayakan tetapi membatalkan kriteria tambahan dalam kuota Fasa (cth: bulan Ogos 2026.)	Ya	Tidak (Membuat pembatalan)	Tidak	Ya	Tidak	Layak mendapat PIN Tambah Nilai MAE sebanyak RM50 sahaja kerana memenuhi kriteria pertama dan menjadi antara 1,000 pelanggan pertama yang memohon.
3	Pelanggan yang Layak melengkapkan Tindakan Kelayakan tetapi melebihi kuota Fasa (cth: bulan Ogos 2026.)	Ya	Ya	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak layak mendapat apa-apa PIN Tambah Nilai MAE.
4	Pelanggan yang Layak mendaftar Takaful TripCare 360 sahaja.	Tidak	Ya	Tidak	T/B	Tidak	Tidak layak mendapat apa-apa PIN Tambah Nilai MAE kerana kriteria kelayakan pertama untuk PIN



							Tambah Nilai MAE tidak dipenuhi.
5	Pelanggan yang Layak mendaftar TripCare 360 sahaja.	Tidak	Tidak	Tidak	T/B	Tidak	Tidak layak mendapat apa-apa PIN Tambah Nilai MAE kerana TripCare 360 bukan sebahagian daripada kempen.
6	Pelanggan yang Layak membeli pakej eSIM untuk Jepun sahaja.	Tidak	Tidak	Ya	T/B	Tidak	Tidak layak mendapat apa-apa PIN Tambah Nilai MAE kerana kriteria kelayakan pertama untuk PIN Tambah Nilai MAE tidak dipenuhi.



8	Pelanggan yang Layak melengkapkan Tindakan Kelayakan tetapi membatalkan GAA-i.	Tidak (Membuat pembatalan)	Ya	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak layak mendapat apa-apa PIN Tambah Nilai MAE kerana kriteria kelayakan pertama tidak dipenuhi.
9	Pelanggan yang Layak melengkapkan Tindakan Kelayakan di luar Tempoh Kempen.	Ya	Ya	Tidak	T/B	Tidak	Tidak layak mendapat apa-apa PIN Tambah Nilai MAE.
10	Pelanggan yang Layak melengkapkan Tindakan Kelayakan pada Fasa lain (cth: Memohon GAA-i pada bulan Ogos 2026 dan Perlindungan Perjalanan pada bulan September 2026)	Ya (Fasa lain)	Ya (Fasa Lain)	Tidak	Ya*	Tidak	*Layak mendapat PIN Tambah Nilai MAE sebanyak RM50 jika pelanggan merupakan antara 1,000 orang pertama yang dipilih untuk permohonan GAA-i pada bulan itu. Pendaftaran



							Perlindungan Perjalanan tidak akan dipertimbangkan untuk pemilihan pemenang bagi PIN Tambah Nilai MAE tambahan sebanyak RM30, kerana tindakan yang diperlukan mesti dilengkapkan dalam Fasa yang sama.
11	Pelanggan yang Layak melengkapkan Tindakan Kelayakan tetapi MAE Wallet tidak aktif.	Ya	Tidak	Ya	T/B*	Tidak	*PIN Tambah Nilai MAE tidak boleh dikreditkan sehingga MAE Wallet aktif.
12	Pelanggan yang Layak memberikan maklumat palsu atau tidak lengkap.	T/B	T/B	T/B	T/B	Tidak	Dibatalkan kelayakan daripada Kempen.



- (h) Maybank tidak akan bertanggungjawab dan/atau tidak akan menanggung liabiliti atas apa-apa kelewatan semasa mengkreditkan PIN Tambah Nilai MAE disebabkan butiran yang tidak lengkap atau tidak tepat yang diberikan oleh Pemenang, gangguan sistem atau isu pihak ketiga yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- (i) PIN Tambah Nilai MAE tidak boleh ditukar dengan item lain.
- (j) Selepas kuota bagi setiap Fasa berkenaan ditebus sepenuhnya, Tindakan Kelayakan berikutnya dalam Fasa yang tertentu tidak akan layak untuk PIN Tambah Nilai MAE.
- (k) PIN Tambah Nilai MAE adalah terhad kepada satu (1) PIN Tambah Nilai MAE bonus sebanyak RM50 dan (1) PIN Tambah Nilai MAE bonus tambahan sebanyak RM30 bagi setiap Pemenang untuk keseluruhan Tempoh Kempen. Setiap Pemenang layak untuk menang sekali sahaja dan pertindihan Pemenang adalah tidak dibenarkan sama sekali.

7.0 Pembatalan Kelayakan

- (a) Maybank merizabkan hak untuk membatalkan kelayakan mana-mana pelanggan yang:
 - (1) Memberikan maklumat palsu, mengelirukan atau tidak lengkap;
 - (2) Membatalkan atau mendapatkan bayaran balik Perlindungan Perjalanan atau pembelian eSIM;
 - (3) Terlibat dalam aktiviti bersifat penipuan, penyalahgunaan atau mencurigakan; atau
 - (4) Gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.

8.0 Terma dan Syarat Umum

- (a) Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- (b) Maybank merizabkan hak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh



tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah. Walau apa pun perkara di atas, Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini, sama ada sebahagian atau keseluruhan, dengan notis satu (1) hari sekiranya berlaku isu penyelenggaraan IT di luar kawalan.

- (c) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma dan Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- (d) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("Maybank Privacy Statement") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- (i) tujuan Kempen; dan
- (ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- (e) Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik



oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggung terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.

- (f) Maybank tidak akan bertanggungjawab atas / menanggung liabiliti bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- (g) Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- (h) Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, kekaburan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia bagi Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.
- (i) Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.